



Pantai peranginan Besut, Terengganu sebagai destinasi pilihan pelancong

Rosniza Aznie CR¹, Usman Y², Suriati G², Abdul Rahim MN¹, Rosmiza MZ¹,
Novel L¹, Mohd Fuad MJ¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
²Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Correspondence: Rosniza Aznie CR (email: aznie@ukm.my)

Abstrak

Pusat-pusat peranginan pantai di daerah Besut Terengganu mempunyai tahap kemudahsampaian yang tinggi dan kemudahan infrastruktur yang baik seiring dengan kemajuan sektor pelancongan negara. Pusat peranginan ini mendapat sokongan, galakan dan insentif yang istimewa daripada kerajaan. Kajian ini bertujuan menilai tahap kepuasan pelancong terhadap pantai peranginan di daerah Besut sebagai destinasi pilihan percutian keluarga yang mampan. Menggunakan data sekunder dan kaji selidik ke atas 100 pelancong, kajian ini mendapati bahawa dari segi fizikal pantai peranginan di daerah Besut khususnya pantai Air Tawar, pantai Bukit Keluang dan Pulau Perhentian, sesuai dikunjungi kerana masih lagi terpelihara dan mampan. Pembangunan kemudahan fizikal seperti chalet dan motel dikawal rapi oleh pihak berkuasa pembangunan negeri. Majoriti pengunjung adalah berkeluarga dan pelancong domestik. Penelitian berdasarkan pandangan pelancong tentang tahap kelestarian dan kemajuan pusat peranginan pantai ini mendapati bahawa tidak banyak lagi perubahan fizikal yang sesuai dibangunkan dan boleh diterima untuk mengekalkan kelestarian persekitaran kawasan tersebut. Kebanyakan pengunjung dan penduduk menghadkan penerimaan kemungkinan kesan-kesan buruk pembangunan fizikal terhadap ekosistem pantai di destinasi pelancongan tersebut hanyalah pada tahap ambangan yang minimum sahaja.

Katakunci: ambangan, Besut, keupayaan daya tampung, mampan, pelancongan pantai, pusat peranginan

The coastal beach of Besut, Terengganu as a preferred tourist destination

Abstract

Beach resorts in the district of Besut, Terengganu have high levels of accessibility and good infrastructural provision in line with the progress of national tourism development. The sector has also been supported and given special incentives by the government. The objective of the present article is to assess the level of visitors' satisfaction of the resorts as a preferred destination for family holidays. Using secondary data and information gathered through a questionnaire survey, the study showed that beach resorts particularly Pantai Ayer Tawar, Pantai Bukit Keluang and Pulau Perhentian generally were still well preserved. The threshold levels of sustainability were considerably high as the state and local authorities closely monitored the physical development of chalets, motels and recreational facilities in the area. The majority of domestic family visitors. Analysis of the visitors and local public's opinions of the state of development of the coastal resorts revealed that not much more physical development of the resorts could be accommodated to maintain the present levels of sustainability of the area.

Keywords: Besut, carrying capacity, coastal tourism, resort, sustainability, threshold limit

Pengenalan

Secara umumnya, sektor pelancongan merupakan penyumbang utama kepada pendapatan sesebuah negara dan antara sektor terbesar di dunia (Ritchie, 2003; Goeldner, 2006; Badaruddin, 2008). Sektor ini menyumbang sebanyak sepuluh peratus daripada jumlah pekerjaan dunia dan sebanyak 11 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia. Hasil pengeluaran yang diperoleh sektor pelancongan dijangka meningkat kepada 1.8 bilion menjelang tahun 2020. Pertubuhan Pelancongan Sedunia pada tahun 1997 menganggarkan perjalanan pelancong antarabangsa akan mencecah angka 1.6 Bilion menjelang tahun yang sama.

Bilangan pelawat dan pelancong yang membuat perjalanan bagi tujuan mengisi masa lapang meliputi antara 65 peratus dan 75 peratus daripada jumlah pelancong keseluruhan. Namun, secara pastinya ia dipecahkan kepada sejumlah bilangan yang berbeza di seluruh dunia. Keadaan ini merupakan perspektif sebenar dalam pergerakan antarabangsa. Pertubuhan Pelancongan Sedunia (WTO) pada tahun 1996 telah mengenal pasti bahawa pelancong domestik adalah sepuluh kali ganda daripada kumpulan yang membelanjakan wang bagi tujuan pelancongan. Manakala, bagi negara-negara besar seperti Amerika Syarikat, pelancong domestik adalah merupakan kumpulan yang terbesar kerana wujudnya faktor dalaman yang kuat dan kemudahsampaian dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain dengan baik. Contohnya di Eropah, catatan WTO menunjukkan enam puluh peratus daripada semua kedatangan pelancong merupakan pelancong domestik pada tahun 1995. Namun begitu, pelancong antarabangsa adalah kumpulan pelancong sasaran yang amat penting bagi meningkatkan ekonomi sesebuah negara. Situasi yang sama dilihat dengan pilihan dan citarasa individu untuk memilih suasana yang berbeza daripada persekitaran hariannya. Keadaan ini dapat dilihat dengan kesanggupan para pelancong untuk membuat perjalanan dari Kanada ke Caribbean ataupun dari United Kingdom ke negara-negara yang bersempadan dengan Mediterranean. Namun begitu, corak perjalanan pelancong dari negara Perancis adalah berbeza kerana mereka lebih gemar menghabiskan masa mereka dan mengadakan aktiviti pelancongan di negara sendiri memandangkan terdapat kepelbagaian suasana, cuaca dan corak kehidupan di negara asal mereka sendiri (Elliot, 1994) dengan sebahagian alasannya juga disebabkan oleh taraf sosio ekonomi mereka yang membolehkan mereka mempunyai rumah kedua bagi tujuan percutian.

Di Malaysia sektor pelancongan juga merupakan sektor kedua terpenting kepada negara ini selepas sektor pembuatan dan petroleum (Badaruddin, 2008). Kemasukan rakyat asing untuk tujuan perdagangan dan keagamaan telah memperkenalkan negara ini ke dunia luar. Walau bagaimanapun, perkembangan industri ini secara teratur hanya bermula apabila kerajaan menubuhkan Perbadanan Kemajuan Pelancong Malaysia (TDC) pada 10 Ogos, 1972. Pada tahun yang sama, satu Persidangan Persatuan Pelancongan Kawasan Pasifik (PATA) yang diadakan di Kuala Lumpur telah secara langsung merangsang pertumbuhan ini. Melalui penglibatan kerajaan, maklumat penting telah dikumpul dan dengannya perkembangan industri pelancongan dapat dikesan serta pertumbuhannya dapat dirancang dengan cara yang lebih sistematik. Merujuk kepada hasrat kerajaan ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian yang maju sepenuhnya pada tahun 2020; pelancongan telah dikenal pasti sebagai salah satu sektor utama yang menjadi sumber baru dalam memangkin pembangunan sosio ekonomi negara. Menyedari hakikat ini, maka pelancongan adalah salah satu sektor ekonomi yang berpotensi untuk dibangunkan dan dipertingkatkan dalam mencapai Wawasan 2020 iaitu menjadi sebuah negara maju. Pembangunan projek pelancongan mega khususnya Projek Pelancongan Raksaksa Malaysia yang melibatkan negeri Pahang, Johor, Melaka, Selangor, Perak dan Terengganu dengan kos sebanyak RM1332.6 bilion iaitu dengan keluasan tanah sebanyak 4,697 keseluruhannya, adalah bukti kesungguhan pehak berkuasa untuk memajukan sektor tersebut di negara ini.

Sektor pelancongan hari ini juga telah dikategorikan sebagai ekonomi berpotensi cerah dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara, penyediaan peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan imej negara di mata dunia. Penubuhan industri khusus bagi sektor pelancongan merupakan pengiktirafan serta ketersediaan kerajaan Malaysia untuk memajukan terus industri pelancongan ini. Sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan untuk permulaan promosi kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ketika ditubuhkan pada tahun 1987, khususnya ke pasaran Amerika Syarikat dan Jepun

(New Straits Time, 6 Januari 1988). Bahkan kecemerlangan pembangunan industri ini dari tahun ke tahun telah dapat dilihat dengan peningkatan pendapatan yang menjana hasil sehingga RM53 bilion pada tahun 2009. Bukan itu sahaja, malahan pengiktirafan dunia melalui Pertubuhan Pelancongan Sedunia telah menempatkan Malaysia di tangga kesembilan dalam jumlah kedatangan pelancong dunia pada tahun yang sama (2009). Sebagai insentif tambahan dan pengiktirafan terhadap industri pelancongan di Malaysia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia menerusi pembentangan bajet 2011 telah memperuntukkan sebanyak RM235 juta diringi dengan pelbagai perancangan penyusunan semula Jabatan Penerbangan Awam menjadi Lembaga Penerbangan Awam dan pemansuhan duti import ke atas kira-kira 300 barangan kegemaran pelancong dan rakyat tempatan pada kadar lima hingga tiga puluh peratus (Perangkaan Malaysia, 2011)

Di sebalik sumbangannya kepada negara, kepesatan perkembangan industri pelancongan harus dikawal dan dirancang. Ini kerana aktiviti tersebut turut memberi impak negatif kepada alam sekitar dan penduduk setempat. Juga, melalui perancangan dan kawalan tahap kepuasan dan penerimaan pelancong di sesebuah destinasi dapat dimaksimumkan. Pihak berkuasa boleh sentiasa merangka perancangan pelancongan yang lestari dan berdaya maju. Bahkan sebagai sebuah negara yang agak baru berkecimpung dalam sektor pelancongan, Malaysia seharusnya dapat mengambil iktibar daripada pengalaman negara-negara yang terdahulu melibatkan diri dalam industri ini. Bentuk pembangunan yang baik ialah pembangunan pelancongan yang dapat memberikan kebaikan kepada manusia dan alam semulajadi sebagai tanda syukur kepada Penciptanya. Sekaligus dapat mencapai matlamat utama dasar pelancongan negara untuk meningkatkan nilai pelancongan dengan cara memaksimumkan faedah sosioekonomi yang dihasilkan di samping meminimumkan kesan-kesan negatif yang tidak terkawal kepada ekosistem dan penduduk tempatan.


Sehubungan dengan persoalan di atas, kajian ini menilai keupayaan daya tampung fizikal sebagai pusat perangan. Penilaian juga dibuat berdasarkan persepsi dan tingkat kepuasan pelancong sebagai asas untuk menentukan tahap ambangan pantai di daerah Besut sebagai destinasi pilihan percutian keluarga yang mapan.

Latar belakang kawasan dan perkembangan pelancongan di Daerah Besut

Agenda pembangunan daerah Besut seperti yang terdapat di dalam Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu (RPNT, 2004-2008) menunjukkan pembangunan di daerah ini telah dijalankan dengan halacara penyediaan pelbagai infrastruktur dalam konteks pembangunan sosio ekonomi. Perlaksanaan projek pembangunan tersebut diharapkan akan dapat mewujudkan modernisasi ekonomi yang melibatkan satu peningkatan yang mampan dalam pengeluaran perkapita negara, perubahan teknik pengeluaran, sistem pengangkutan dan taburan barangan pengguna. Secara umumnya, Terengganu Darul Iman merupakan negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang kaya dengan khazanah bumi dan laut serta maju membangun dalam pelbagai sektor. Negeri ini terletak di antara garisan bujur 102.25 dengan 103.50 dan garisan lintang 4 hingga 5.50 dalam peta dunia. Bersempadankan Kelantan di bahagian utara serta barat lautnya dan Pahang di bahagian selatan dan barat dayanya, Terengganu mempunyai keluasan kira-kira 1,295,638.3 hektar atau 1,295,512.1 hektar dalam pentadbirannya. Terdapat tujuh buah daerah dalam pentadbiran negeri ini iaitu Besut, Dungun, Hulu Terengganu, Kemaman, Kuala Terengganu, Marang dan Setiu. BESUT merupakan sebuah daerah yang terletak di bahagian utara Negeri Terengganu dan bersempadan dengan Negeri Kelantan di bahagian utara dan baratnya. Daerah ini dikelilingi Laut China Selatan di sepanjang pantai Timur Lautnya dan ditunjangi Banjaran Titiwangsa di bahagian baratnya. Terdapat 15 mukim dalam pentadbiran Besut iaitu Keluang, Kuala Besut, Bukit Puteri, Pengkalan Nangka, Hulu Besut, Jabi, Kerandang, Pelagat, Lubuk Kawah, Pasir Akar, Tembila, Kampung Raja, Tenang, Kubang Bemban dan Bukit Kenak. Kuala Besut pula merupakan sebuah mukim yang terletak paling dekat dengan sempadan Negeri Kelantan (utara Daerah Besut). Mukim ini mempunyai 14 buah kampung iaitu Pulau Perhentian, Pekan Pengkalan Nyireh, Pengkalan Nyireh, Sentosa, Seberang Kastam, Nail, Seberang Barat, Teluk Bayu, Taman Seratus, Tok Saboh, Alor Pisang, Alor Teratai, Kayu Kelat dan

Alor Jejaw. Kegiatan-kegiatan utama bagi mukim Kuala Besut ialah pelancongan, perikanan, industri kecil & sederhana (IKS) seperti perusahaan keropok serta budu dan sebagainya. Sememangnya Kuala Besut terkenal sebagai salah satu pusat pelancongan utama Terengganu iaitu Pulau Perhentian, yang merupakan destinasi yang menarik para pelancong (terutama dalam sukan menyelam atau skuba).

Perkembangan industri pelancongan yang berasaskan alam semulajadi, kraf dan budaya selalunya mempunyai keistimewaan tersendiri yang mendorong pelancong berkunjung berulang kali ke tempat tersebut. Daerah Besut sebenarnya menawarkan banyak produk pelancongan ini sejak dahulu lagi. Walau bagaimanapun ia hanya dibangunkan dengan pesat bersesuaian dengan lokasi tarikan pelancong bermula pada tahun 1990-an. Kawasan Pantai Bukit Keluang dan Pantai Ayer Tawar yang pada asalnya adalah kawasan perkelahan, kini telah popular dan semakin dikenali ramai sebagai destinasi pelancongan berasaskan pelancongan eko (*eco-tourism*) dan pelancongan ilmu (*edu-tourism*). Pelbagai pembangunan institusi seperti Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) cawangan timur, Maktab Rendah Sains MARA, Maktab Perguruan Sultan Mizan, Kolej IMTIAZ dan pembinaan Universiti Darul Iman (UDM) atau kini dikenali sebagai UNISZA semakin merencanakan pembangunan sokongan kepada sektor tidak formal dalam industri pelancongan ini. Keindahan pantainya yang masih lagi belum diterokai sepenuhnya dengan pembinaan hotel dan motel memberikan peluang kepada pelancong menikmati keindahan, beriadah, dan beristirehat seisi keluarga. Justeru, peluang dalam industri pelancongan ini direbut sebaik mungkin oleh golongan wanita di kawasan tersebut. Daerah Besut tidak hanya menawarkan makanan tempatan seperti keropok lekor, nasi dagang dan nasi kerabu tetapi juga makanan luar termasuk menu antarabangsa. Bahkan keprihatinan dan peluang untuk menarik minat pelancong telah memberikan lebih banyak penawaran makanan barat, timur dan selatan seperti *chicken chop*, nasi kandar, mee bandung dan sebagainya untuk kepuasan pelancong. Secara umum, bidang keusahawanan sememangnya merupakan bidang yang amat sinonim dengan wanita pantai timur dan merupakan satu bidang yang paling mendapat perhatian daripada hampir seluruh warga wanita di Kuala Besut khususnya. Sudah menjadi satu amalan turun-temurun bagi wanita pantai timur untuk menjalankan perniagaan daripada sekecil perniagaan jualan kuih sehingga ada yang berjaya menjadi usahawan di peringkat antarabangsa. Di Kuala Besut misalnya, sesuai dengan keadaan geografi pantainya, banyak pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) yang beroperasi di sini adalah berasaskan bahan mentah dari laut seperti perusahaan keropok, perusahaan budu, perusahaan sotong kering, perusahaan ikan kering, dan perusahaan pencicah. Antara contoh perusahaan IKS yang dijalankan ialah perusahaan Budu Cap Limau & perusahaan Keropok Cap Rama-Rama (Pusat Internet Desa, 2011).



Sumber: Pusat Internet Desa, 2011

Rajah 1. Peta Daerah Besut dan Negeri Terengganu

Sebelum tahun 1990-an, daerah Besut telah mengalami penurunan kedatangan pelancong berbanding pantai peranginan lain di sekitar Kemaman dan Dungun. Pelancong yang datang lebih kepada pelancong harian atau hujung minggu sahaja. Tetapi menjelang tahun 2012, proses pembangunan yang rancak di daerah Besut semenjak tahun 1990-an telah menghidupkan semula sektor pelancongan di destinasi kajian ini dan menjadi lebih popular sebagai pantai peranginan percutian keluarga. Era pembangunan pelancongan semenjak tahun 1990-an tersebut telah memberikan wajah baru kepada kawasan peranginan pantai di daerah Besut. Ini termasuklah pembangunan pelbagai produk pelancongan yang unik dan menarik; pembinaan pelbagai kemudahan penginapan (hotel dan chalet) seperti Bukit Keluang Beach Resort; menaik taraf kawasan rehat dan riadah serta pelbagai kemudahan infrastruktur yang lain seperti ditunjukkan dalam Peta Pelancongan Negeri Terengganu (Rajah 1.2). Aspek kemudahsampaian ke kawasan peranginan di daerah Besut juga menjadi elemen penting dalam memastikan destinasi pelancongan ini terus menerima kedatangan pelancong. Di samping itu, jaringan pengangkutan dan kemudahan pengangkutan awam yang pelbagai serta mudah didapati oleh pelancong turut memastikan setiap destinasi pelancongan ini senang dikunjungi.



Sumber: Tourism Terengganu, 2011

Rajah 2. Peta Pelancongan Negeri Terengganu

Metodologi kajian

Kajian ini dijalankan pada bulan Mei 2011 berdasarkan sampel yang dipilih daripada tiga pantai peranginan di daerah Besut iaitu Pulau Perhentian, pantai Bukit Keluang dan Pantai Ayer Tawar. Pemilihan kawasan ini adalah berdasarkan kepada perbezaan ciri-ciri pelancongnya. Pantai Ayer Tawar dan Bukit Keluang merupakan kawasan tumpuan pelancong domestik berikutan penawaran perkhidmatan pelancongan bertaraf bajet yang banyak terdapat

di kawasan tersebut. Manakala, kawasan pantai di Pulau Perhentian pula merupakan kawasan tumpuan pelancong antarabangsa berikutan pelbagai kemudahan bertaraf lima bintang disediakan berserta dengan keselesaan (*privacy*) mereka yang lebih tinggi di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, Pantai Bukit Keluang merupakan sebuah kawasan pelancongan yang menjadi tumpuan pelancong yang datang kerana urusan kerja di samping pelancong tempatan (pelancong domestik) berikutan kepelbagaian pilihan makanan, perkhidmatan dan tempat tinggal di kawasan tersebut. Pantai Ayer Tawar pula lebih didominasi oleh pelancong tempatan urusan perniagaan (pelancong domestik) kerana terdapat banyak aktiviti riadah dan pesta jualan diadakan dikawasan pantai tersebut. Seramai 115 orang pelancong telah terpilih sebagai responden, namun hanya 100 sahaja yang dapat dianalisis berikutan terdapat banyak data yang didapati tidak lengkap dan dikhawatiri akan menjejaskan hasil penemuan kajian ini. Taburannya sampel adalah seperti berikut: Pantai Air Tawar 31, Pantai Bukit Keluang 36 dan Pantai Pulau Perhentian 33. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah soal-selidik terhadap pelancong dengan menerapkan tehnik persampelan rawak mudah bertujuan. Data dianalisis menggunakan teknik statistik mudah.

Hasil kajian

Hasil kajian in terbahagi dua: pertama, tahap penerimaan pelancong terhadap kawasan peranginan pantai di daerah Besut; kedua, ciri-ciri pelancong dan pola kunjungan mereka ke daerah Besut.

Penerimaan pelancong

Hasil analisis data menunjukkan bahawa secara umumnya pelancong tempatan dan antarabangsa berminat terhadap destinasi pelancongan ini bagi tujuan percutian termasuk bagi tujuan pelancongan ilmu, budaya, sukan dan eko. Hasil analisis melibatkan pemarkahan pernyataan positif dan negatif yang saling berkaitan antara dua bahagian utama kerangka soalan. Langkah seterusnya ialah menggunakan Crombach's Alpha bagi mengukur keseluruhan skor min dan korelasi setiap item. Hasil ujian menunjukkan pengaruh positif, iaitu 0.71 dan negatif, iaitu 0.78 diterima secara konsisten. Skor min keseluruhan bagi pengaruh positif (4.0) dan negatif (2.0) menunjukkan bahawa nilai-nilai di atas titik neutral (3) Skala Likert adalah sikap yang positif dan di bawah adalah negatif (seperti ditunjukkan dalam Jadual 1).

Secara keseluruhan ujian Crombach's Alpha pendapat keseluruhan pelancong di daerah besut adalah positif dan yang demikian data tersebut boleh dianggap sebagai 'boleh dipercayai' untuk pantai di daerah Besut sebagai destinasi pelancongan budaya (kraf, dan produk tempatan) dan destinasi penerokaan keindahan alam semula jadi (Pulau Perhentian). Dengan cara ini, daerah Besut boleh dikategorikan sebagai kawasan pembangunan pelancongan baru walaupun telah terkenal kerana ia digunakan bukan hanya untuk kumpulan pelancongan midsentrik. Kumpulan ini hanya memerlukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang sederhana dan selesa. Daerah Besut adalah semakin popular destinasi akan menjadi destinasi yang matang dari segi kemudahan, perkhidmatan, tarikan dan hiburan. Pada peringkat ini, destinasi akan mencapai potensi yang maksimum dan menarik lebih ramai pelancong. Ini akan meningkatkan populariti yang memberangsangkan kepada kumpulan pelancong psikosentrik.

Kajian mendapati bahawa lebih 65 peratus pelancong yang melawat ke pusat peranginan pantai Besut berpuas hati dengan penginapan dan perkhidmatan yang mereka perolehi (chalet dan motel). Walau bagaimanapun, 80 peratus ($n = 67$) mereka memilih untuk makan makanan tempatan dari gerai atau restoran yang berdekatan dengan mengambil kira harga dan pilihan makanan tempatan. Majoriti pelancong antarabangsa sangat gembira dengan kunjungan mereka bersesuaian dengan imej dan gambaran sebelum datang ke destinasi ini. Ini adalah kerana terdapat pantai yang bersih, pelbagai kemudahan rehat, kawalan keselamatan (*baywatch*), dan kemudahan tandas awam yang bersih. Manakala majoriti pelancong pulau (Pulau Perhentian) amat berpuas hati dengan pakej pelancongan yang ditawarkan. Penduduk tempatan juga telah menerima kunjungan pelancong dengan tangan yang terbuka. Kedatangan pelancong ke pantai peranginan pelancong telah berjaya meningkatkan taraf hidup mereka dan bukan hanya bergantung kepada pekerjaan tradisional iaitu sebagai nelayan sahaja. Malahan terdapat pelbagai inisiatif penduduk tempatan untuk turut libat sama dalam pembangunan pelancongan di destinasi

ini iaitu sebagai penjual kraf tangan, produk makanan dan juga penyediaan pelbagai kemudahan penginapan (*homestay*).

Jadual 1. Skor min terhadap penerimaan pelancong

A. Penerimaan Positif Pelancong		Skor Min	S.D
Q1	Ketersediaan pantai yang bersih dan mendamaikan	4.54	.53
Q2	Kemudahan penginapan sebagaimana dipromosikan	3.49	1.01
Q3	Ketersediaan pengangkutan awam ke destinasi pelancongan dengan mudah	3.86	.98
Q4	Hospitaliti penduduk tempatan yang memuaskan	3.70	1.23
Q5	Ketersediaan produk pelancongan yang banyak	3.79	1.38
B. Penerimaan Negatif Pelancong			
Q6	Penawaran kemudahan pantai berkurangan (gerai menjual peralatan pantai)	1.38	.59
Q7	Kemudahan penginapan masih boleh dinaiktarafkan mengikut suasana semulajadi	1.32	.56
Q8	Kesukaran kemudahan pengangkutan dari destinasi peranginan pantai	2.60	1.29
Q9	Perkongsian kemudahan awam dan frasarana penduduk tempatan dan pelancong boleh dinaiktaraf lagi	1.56	.79
Q10	Pembungkusan produk pelancongan perlu dinaiktaraf untuk kemudahan dan kadar tahan lama dibawa pulang	2.54	1.25

Manakala aspek negatif pula menunjukkan 35 peratus daripada jumlah pelancong memberikan tindak balas negatif terhadap gerai menjual peralatan pantai (bagi keperluan anak-anak), mutu kemudahan penginapan (*chalet bajet*), pengangkutan awam dari destinasi pelancongan, kemudahan awam yang dikongsi bersama penduduk tempatan seperti kawasan rehat berhampiran gerai penjaja dan juga pembungkusan produk pelancongan seperti keropok keping (mudah hancur), keropok lekor (mudah rosak), budu dan pencicah (mudah pecah) dan juga kuih muih tempatan (mudah rosak/ basi).

Ciri-ciri kedatangan pelancong

Ciri kedatangan pelancong yang dibincangkan adalah berkaitan dengan ciri demografi pelancong dari segi umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan dan negeri asal; ciri lawatan dan pandangan mereka tentang perubahan yang berlaku di kawasan pelancongan pantai yang di daerah Besut yang mereka kunjungi.

Kajian mendapati pulau peranginan di daerah Besut merupakan pulau percutian keluarga. Majoriti adalah pelancong domestik. Sebanyak 84 peratus responden datang ke destinasi pelancongan di daerah ini secara berkeluarga. Sejumlah 90 peratus dalam kalangan pelancong berusia sekitar 21 hingga 55 tahun. Kajian ini juga mendedahkan bahawa kebanyakan pelancong (62 peratus) yang datang ke destinasi pilihan ini merupakan isi rumah yang bekerja sama ada peniaga, kumpulan profesional dan lain-lain. Manakala terdapat sebanyak 38 peratus daripada kumpulan umur 21 hingga 25 tahun merupakan pelajar daripada empat buah institusi awam dan swasta tempatan yang masing-masing datang secara berkumpulan bagi tujuan menjalankan kajian di atau bercuti di kawasan ini. Kumpulan pelajar yang menjalankan penyelidikan telah menyewa rumah rehat Majlis Daerah Besut secara mingguan bagi memudahkan tugas mereka di jalankan. Manakala bagi kumpulan sedang bercuti iaitu terdiri daripada enam orang pelajar Australia dan London; dan tiga orang pelajar tempatan (dari Kolej IPTA terkemuka di Kuala Lumpur) menginap di hotel di Pulau Perhentian.

Ciri-ciri lawatan melibatkan aspek tujuan kunjungan ke daerah Besut, destinasi semasa bertolak, mod penginapan, mod pengangkutan dan sumber maklumat pelancongan pantai di daerah Besut yang mereka dapati. Maklumat ini dapat menjawab persoalan “mengapa, bila, apa, dan kenapa” lawatan tersebut dijalankan. Hasil kajian mendapati, trend kedatangan pelancong ke daerah Besut pada tahun 2011 ini jauh

meningkat berbanding sebelum 2005 (Hasil temu bual mendalam). Majoriti kedatangan pelancong adalah untuk berehat dan beriadah. Golongan ini mewakili lebih 80 peratus iaitu termasuk mereka yang berehat mengambil kesempatan daripada urusan rasmi atau perniagaan, manakala selebinya adalah terdiri daripada kupulan pelajar yang menjalankan penyelidikan atau bercuti.

Majoriti responden didapati datang melalui pintu-pintu masuk yang terdapat dalam negara iaitu dari negeri Kelantan dan Terengganu sendiri melalui kemudahan awam (lapangan terbang Kota Baru, lapangan terbang Kuala Terengganu serta perkhidmatan bas ekspres hentian terus ke Jerneh/Kuala Besut/ jeti Kuala Besut- Pulau Perhentian). Secara keseluruhannya, pelancong domestik tertinggi adalah daripada penduduk negeri Terengganu sendiri iaitu mewakili 32 peratus disebabkan oleh urusan hadir bengkel atau kursus anjuran daripada jabatan yang memilih sama ada percutian harian atau percutian bermalam selama satu malam sahaja (cuti hujung minggu). Bagi kumpulan pelancong antarabangsa, pelancong dari negara barat merupakan kumpulan tertinggi iaitu masing-masing mewakili sebanyak 27 peratus daripada jumlah kedatangan pelancong ke Pulau Perhentian. Kesemua pelancong antarabangsa yang menginap di Pulau Perhentian menggunakan perkhidmatan internet (*online*) untuk pakej penginapan di pulau ini. Pada pendapat mereka, tempahan melalui online merupakan jalan termudah dan paling selamat untuk mereka datang tanpa perlu risau tentang sebarang perbelanjaan tambahan (81 peratus daripada responden).

Pandangan pelancong terhadap kawasan peranginan pantai di daerah Besut umumnya baik. Secara keseluruhan, aktiviti pelancong di pantai daerah Besut ialah bagi tujuan berenang, berehat, snorkel, *scuba diving*, berkhemah, berjemur dan juga aktiviti lain berasaskan air. Manakala, aktiviti memberi makan kepada ikan sebagaimana yang dimasyurkan di pulau-pulau peranginan lain di Malaysia tidak menjadi pilihan pelancong di kawasan kajian ini. Dari segi pengalaman melancong, sebanyak 42 peratus responden (n=56) melancong ke pantai peranginan di daerah Besut untuk kali pertama. Ini menunjukkan wujudnya kejayaan dan daya tarikan tersendiri destinasi ini sebagai pelancongan pulau atau pelancongan eko, pelancongan edu dan pelancongan budaya. Responden yang pernah melancong ke pantai peranginan di daerah Besut berpendapat bahawa kebersihan di kawasan perkemahan iaitu di kedua-dua pantai Pantai Ayer Tawar dan Pantai Bukit Keluang adalah semakin baik. Terdapat ramai pekerja yang terdiri daripada golongan asnaf (penerima bantuan zakat) dan ibu tunggal diberi peluang bekerja sebagai tukang sapu atau penjaga kebersihan pantai di kawasan tersebut. Sampah dan sisa bekalan perkemahan di sepanjang kawasan pantai. Malahan terdapat banyak chalet dan gerai-gerai yang dibina berhampiran pantai memudahkan pelancong untuk melakukan aktiviti dan beriadah tanpa perlu menggunakan kenderaan.

Analisis dan perbincangan

Tahap kemampuan sesebuah kawasan pantai pelancongan banyak bergantung kepada penyediaan kemudahan dan kemewahan sumber alam tersebut yang mampu untuk dinikmati oleh generasi akan datang (Rosniza Aznie, 2002). Kelestariannya adalah tanggungjawab semua pihak yang berkepentingan. Kemerosotan kualiti persekitaran fizikal akibat proses perubahan semulajadi dan tindakan manusia melalui proses luluhawa, hakisan dan mendapan serta pencemaran marin adalah berpunca daripada kegagalan pihak yang berkepentingan mengawal dan mengurus ekosistem berkenaan. Oleh itu semua pihak berkepentingan perlu memikul tanggungjawab tersebut untuk memastikan keunikan dan keselamatan ekosistem pantai dapat dilestarikan. Bagi tujuan kelestarian sumber alam tersebut, terdapat garis panduan yang ketat perlu diikuti oleh pihak pemaju dalam proses pembangunan pantai peranginan di sekitar daerah Besut. Kawasan pantai merupakan kawasan larangan pembinaan sebarang pembangunan tambahan (selain kemudahan asas yang telah disediakan). Kawasan tersebut hanya dijadikan zon penampungan yang telah ditanami pokok ru semenjak tahun 1999 bagi mengelak dan mengurangkan kadar hakisan dan menjamin jangka hayat pesisiran pantai yang lebih panjang untuk generasi akan datang. Kerakusan manusia telah dapat dicegah dengan begitu baik oleh pihak berkuasa negeri dan tempatan melalui pelbagai akta yang mengandungi elemen piawaian dan pelaksanaan yang tegas sebagaimana yang telah ditetapkan dalam proses perancangan pelancongan di daerah Besut. Keadaan ini dapat

mengelakkan kejadian seperti menimpa ekosistem Pulau Perhentian terjadi di sini (Rosniza Aznie, 2011). Dalam konteks pembangunan ini, perancangan pelancongan yang mampan haruslah digarapkan agar keunikan, keaslian dan juga keindahan pantai peranginan daerah Besut dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Getz (1987) pernah menegaskan bahawa perancangan pelancongan merupakan satu proses berasaskan kepada penyelidikan dan penilaian berterusan yang mengoptimalkan kepuasan pelancong tanpa mengabaikan kualiti alam sekitar dan juga kebajikan penduduk setempatnya. Justeru, perancangan pelancongan yang ideal bersesuaian dengan norma dan corak pembangunan pelancongan ketimuran berasaskan sumber alam pantai (marin) dan kepulauan haruslah diteliti dan dilaksanakan oleh semua pihak berkepentingan; sama ada penduduk kampung, pentadbir dan juga pengusaha. Menurut Inskeep (1991) terdapat empat belas faktor yang menjelaskan betapa pentingnya perancangan pelancongan di sesebuah kawasan; antaranya ialah kegiatan baru, industri rumit dan sensitif, produk sumber daya terhad, perlu berikan kesan positif, dan jualan produk kepada pelancong. Secara umum, industri pelancongan merupakan industri yang masih baru berbanding dengan industri lain di dunia. Walaupun aktiviti pelancongan mula disedari bermula dengan kegiatan pengembaraan manusia dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan pelbagai kaedah dan tujuan sebelum tahun 1950-an, namun industri ini hanya mula berkembang pada 1950-an iaitu selepas Perang Dunia Kedua berlaku (1941-1945) yang menjadi satu aktiviti antarabangsa terpenting, disokong dengan pembangunan dalam bidang pengangkutan udara, darat dan laut, kemudahan melancong secara berkelompok serta pelbagai kemudahan lain yang disediakan oleh setiap negara. Manakala di Malaysia pula, perkembangan industri pelancongan ini pada tahun-tahun 1980-an hingga 1990-an begitu memuncak dan telah berkembang lebih tiga kali ganda dalam purata pertumbuhan dunia di Asia Timur dan rantau Pasifik. Menariknya tentang industri ini ialah ia bukan hanya melibatkan lokasi dan sumber alam, warisan dan budaya sebagai produk pelancongan, bahkan ia melibatkan pembangunan *in situ* dan kesannya secara langsung dan tidak langsung kepada pelancong dan penduduk tempatan. Industri ini merupakan industri yang rumit, sensitif dan melibatkan sumber daya yang terhad. Justeru, tanpa perancangan yang stabil dan sistematik dikhuatiri akan memendekkan jangka hayat industri ini di sesebuah destinasi pelancongan. Aspek pembangunan *in situ* yang dapat dikesan melalui perancangan pelancongan ialah melibatkan reruang itu sendiri sebagai produk utama, perancangan bagi penyediaan kemudahan infrastruktur, kemudahsampaian, penyediaan tapak bagi tujuan pemasaran produk pelancongan dan sudah pastilah dengan kawalan pembangunan mengikut piawaian yang digariskan mengikut peruntukan perundangan di Malaysia. Di samping itu, industri pelancongan ini juga membawa banyak kesan yang positif kepada pembangunan dan penjana pendapatan negara. Kawasan yang hanya merupakan kawasan terpencil atau kawasan luar bandar memerlukan peningkatan pelbagai kemudahan awam bagi menampung aktiviti pelancongan, rupa landskap kawasan akan diperindahkan dengan landskap lembut dan kejur. Malahan ia meningkatkan juga pendapatan tempatan, negeri dan negara.

Pelancongan di peringkat antarabangsa kini memasuki era yang lebih gemilang dan ia menawarkan peluang ekonomi dan sosial yang besar bagi negara-negara seperti Malaysia untuk menerokainya. Menurut WTO, kedatangan pelancong dunia dalam tempoh sepuluh tahun telah meningkat hampir dua kali ganda iaitu seramai 293 juta orang pada tahun 1983 kepada 500 juta orang pada tahun 1993. Manakala perbelanjaan mereka telah meningkat hampir tiga kali ganda iaitu sebanyak RM256.5 bilion pada tahun 1983 kepada RM775.2 bilion pada tahun 1993. Seterusnya, daripada jumlah tersebut, kedatangan pelancong di rantau Asia Timur dan Pasifik telah meningkat hampir tiga kali ganda iaitu seramai 24.7 juta orang pada tahun 1993 kepada 70 juta orang pada tahun 1994. Apa yang menakjubkan ialah perbelanjaan mereka telah meningkat hampir lima kali ganda iaitu sebanyak RM28.3 bilion pada tahun 1983 kepada RM135.0 bilion pada tahun 1994. Dalam tempoh sepuluh tahun tersebut didapati pertumbuhan pendapatan tukaran asing daripada eksport barangan sebanyak tujuh peratus dan perkhidmatan perniagaan sebanyak sepuluh peratus. Keadaan tersebut sekaligus telah melonjakkan sumbangan kepada pendapatan ekonomi dunia sebanyak USD2.1 bilion pada tahun 1950 kepada USD 634.7 bilion pada tahun 2004 (WTO, 2011)

Secara ringkasnya, perancangan pelancongan merupakan satu perancangan yang menyeluruh melibatkan pelbagai komponen bagi memenuhi kumpulan sasarannya iaitu pelancong (sama ada pelancong domestik atau antarabangsa). Ini kerana, dengan penyelidikan, pemantauan dan perancangan yang teliti dan mengambil kira semua komponen pembangunan dalam perancangan pelancongan seperti tarikan dan aktiviti pelancong, penginapan, industri dan perusahaan, infrastruktur, pengangkutan, hospitaliti dan lain-lain sudah pasti akan dapat meningkatkan industri pelancongan di sesebuah kawasan terutamanya di Pulau Perhentian. Bukan itu sahaja, perancangan pelancongan juga merupakan satu perkara yang amat penting kerana semua elemen yang disasarkan kepada para pelancong itu juga haruslah mengambil kira kepentingan dan keperluan penduduk tempatan untuk dikongsi bersama. Justeru, melalui kajian ini didapati bahawa pendapat dan tingkat kepuasan pelancong adalah amat penting kerana ia merupakan cermin kepada kejayaan atau kegagalan sesebuah destinasi itu menawarkan produk pelancongan sebagaimana yang mereka harapkan.

Rumusan

Sektor pelancongan dan kepesatan perkembangannya masa kini mewujudkan pelbagai kesan positif mahupun negatif kepada ekonomi dan sosial sesebuah komuniti. Dalam konteks pusat pelancongan pantai dan kepulauan di daerah Besut, pelbagai pihak berkepentingan telah memainkan peranan masing-masing bagi memastikan kelestariannya. Sumbangan positif industri pelancongan ini bukan hanya membuka peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang kepada penduduk tempatan tetapi juga membantu menjana pendapatan tempatan, negeri dan negara. Penduduk tempatan tidak lagi menjadi nelayan sepenuh masa sebaliknya turut terlibat menjadi pengusaha sehingga dapat memasarkan kemahiran dan produk mereka ke seluruh negeri dan negara. Proses perancangan pelancongan sewajarnya melibatkan penduduk tempatan sama ada secara langsung atau tidak langsung khususnya pembuatan keputusan yang melibatkan pembangunan kawasan setempat.

Bagi pelancong pula, pantai peranginan Besut ini berpotensi tinggi dan mampu memberikan kepuasan maksimum seperti imej yang tergambar oleh mereka sebelum sampai ke destinasi ini. Ini kerana, terdapat banyak keperluan kemudahan awam dan ciri-ciri keselamatan pelancong telah dan sedang dinaik taraf, terutama bagi pelancong yang berada di Pulau Perhentian merasa sangat puas hati dan sudah pasti ingin datang semula ke destinasi tersebut pada masa akan datang. Sekiranya kepuasan yang diterima oleh pelancong di Pulau Perhentian adalah melibatkan sejumlah kos tambahan bagi mendapatkan layanan bertaraf lima bintang, maka pihak berkepentingan di kawasan-kawasan lain di sekitar Pulau Perhentian harus mengambil iktibar dan menjadikannya satu pelan tindakan dalam strategi perancangan pembangunan di Pulau Perhentian pada masa akan datang. Malahan pelbagai agenda pembangunan pelancongan di daerah Besut yang sedang giat berlaku pada hari ini dirasakan akan menjadi pemangkin utama kepada peningkatan bilangan pelancong pada masa hadapan. Pembangunan yang giat tersebut antaranya ialah kawasan inap desa (*homestay*), cadangan pembangunan kawasan riadah keluarga (berkonsepkan taman hiburan keluarga seperti taman tema di Air Keroh Melaka) dan restoren dan kedai Satu Malaysia (1 Malaysia) dan pusat hidangan makanan laut terkemuka di pantai timur Semenanjung Malaysia.

Penghargaan

Penghargaan kepada Pusat Pengajian Sains Sosial, Pembangunan & Persekitaran, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia; Prof Abdul Rahim Md Nor selaku Ketua Projek (Kumpulan Penyelidikan Jatidiri Kebangsaan, Negara Bangsa, Kepelbagaian Budaya dan Globalisasi); dan Prof. Dr Badaruddin Mohamed (USM).

Rujukan

- Badaruddin M (2008) *Pelancongan lestari*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Elliot (1991) In: Rosniza Aznie CR (2011). *Tingkat dan kepuasan pelancong di Pulau Perhentian. GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space 7*. Special Issue: *Social and Spatial Challenges of Malaysian Development* (155 - 168)
- Getz D (1987) In: Pearce DG (1995) *Tourism today: A geographical analysis*. (2nd Ed.). Longman
- Goeldner CR, Ritchie JR (2006) *Tourism: Principles, practices, philosophies* (10th ed.). John Wiley and Sons, New Jersey.
- Inskeep E (1991) *Tourism planning: An integrated and sustainable development approach*. Van Nostrand Reinhold, New York.
- New Straits Time (1988) 6 January.
- O'Reilly AM (1991) *Tourism carrying capacity*. The Heinemann, New York.
- Perangkaan Malaysia (2011) *Ucapan bajet tahun 2011*. [cited 24 February 2011]. Available from: <http://www.treasury.gov.my>.
- Pusat Internet Desa (2011) *Desaku*. [cited 20 February 2011]. Available from: <http://kualabesut.pid.net.my>.
- Ritchie JR, Geoffrey I (2003) *The competitive destination*. CABI Publishing, Cambridge MA.
- Rosniza Aznie CR (2002) *Keupayaan daya tampung fizikal di Pulau Perhentian* (Kertas Tesis Sarjana). Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan Dan Perancangan. Universiti Sains Malaysia.
- Tourism Terengganu (2011) *Truly Terengganu: Interactive tourism map*. [cited 09 April 2011]. Available from: <http://trulyterengganu.blogspot.com>.
- World Tourism Organization (1981) *Technical handbook on the collection and presentation of domestic and international tourist statistics; Introduction*. In: Inskeep E (ed) *Tourism planning: An integrated and sustainable development approach*. New York, Van Nostrand Reinhold.
- World Tourism Organization (2011) *Facts & figures: Information analysis and know-how*. [cited 20 February 2011]. Available from: <http://www.unwto.org/facts/menu.html>.